

04 SEP 1997

Umno (Analisis Berita)

UCAPAN MAHATHIR JADI TUMPUAN SEMUA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung UMNO esok, beliau biasanya akan menyampaikan ucapan yang tidak dipertikaikan lagi sebagai ucapan terbaiknya pada tahun itu.

Ucapan inilah yang akan membuatkan hadirin yang membanjiri Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini tidak berganjak dari tempat duduk masing-masing seperti juga berjuta-juta mereka yang menontonnya secara langsung melalui kaca televisyen.

Menyampaikan ucapan terbaik bukan perkara yang mudah walaupun bagi seseorang seperti Dr Mahathir yang mahukan ucapannya difahami dengan jelas oleh mereka yang mendengarnya.

Ucapan Presiden UMNO itu ialah seperti ucapan ke seluruh negara oleh Presiden Amerika Syarikat atau ucapan dasar yang menggarisi agenda negara -- masalahnya dan pelan tindakan.

Memegang benar Dr Mahathir membuat ucapan yang tidak terkira banyaknya dalam setahun dan lebih banyak lagi temubual oleh media di dalam dan luar negara secara spontan tetapi bagi kebanyakan pihak, ucapan kali ini dianggap lebih penting.

Kali ini, ucapan Presiden UMNO yang ditunggu-tunggu itu meliputi dimensi dan kepentingan baru di tengah-tengah kemelut dalam ekonomi Malaysia akibat kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham.

Ucapan Presiden UMNO, yang dikarang sendiri oleh Dr Mahathir memang kena pada masanya, lebih-lebih lagi di tengah-tengah serangan ke atas Ringgit dan pasaran saham oleh apa yang disifatkan oleh Dr Mahathir sebagai manipulator asing yang mahu meruntuhkan ekonomi negara-negara membangun di rantau ini.

Dalam taklimat pra perhimpunan agung kepada para perwakilan parti di sini semalam, Dr Mahathir berkata: " Saya baru siap menulis ucapan itu pagi tadi".

"Ini kerana biasanya perhimpunan agung UMNO diadakan pada Oktober tetapi oleh kerana kita mengadakannya sebulan lebih awal, Saya tidak mempunyai banyak masa untuk menyediakannya," kata beliau.

Sejak minggu lalu, Perdana Menteri telah membuat beberapa pengumuman mengenai langkah untuk menyokong Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang menyaksikan modal pasaran berjumlah RM400 bilion lenyap akibat kejatuhan harga.

Contohnya, semalam beliau mengumumkan dana kewangan bernilai RM60 bilion untuk membeli sahan-saham yang dijual oleh pelabur tempatan pada harga premium yang lebih tinggi daripada harga pasaran.

Menurut para penganalisis, ia masih terlalu awal untuk melihat kesan insentif terbaru pasaran ini terhadap nilai Ringgit dan pasaran saham seperti dilihat apabila kedua-duanya mengalami kejatuhan, terutama Ringgit yang mencapai paras 3.000 berbanding Dollar Amerika -- yang paling rendah.

Minggu lepas, Dr Mahathir mengarahkan dana temoatan yang terbesar seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Holdings, Permodalan Nasional Berhad dan Tabung Pencen, untuk antara lain, memasuki pasaran bagi menyokong harga yang kini berada di paras rendah.

Ini bagi menampung kehilangan modal asing yang lenyap dari pasaran saham tempatan.

Ucapan Dr Mahathir esok, dijangka antara lain memperjelaskan lagi langkah-langkah bagi menyokong pasaran termasuk mengharamkan pinjaman sijil

saham oleh bank-bank yang dikenal pasti sebagai punca utama manipulasi pasaran.

Perhimpunan agung selama empat hari itu didahului oleh Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita yang bermula hari ini.

Ita berlangsung di tengah-tengah khobar angin bertiup kencang yang nampaknya mempengaruhi pasaran walaupun Perdana Menteri telah menafikan khobar angin itu dan menyifatkannya sebagai tidak berasas.

Satu daripada khobar angin itu ialah mengenai "penangkapan" dua tokoh bank tempatan, Tan Sri Rashid Hussain yang mengetuai RHB Bank dan Tan Sri Azman Hashim yang mengepalai Kumpulan Arab-Malaysian kerana dikatakan terbabit dalam manipulasi pasaran.

Satu lagi ialah penyebaran surat layang yang nampaknya sengaja dibuat ketika Perhimpunan Agung UMNO berlangsung dengan dakwaan pembabitan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam skandal seks.

Dr Mahathir menyifatkan ini sebagai komplot untuk menjatuhkan Anwar, yang dinamanya sebagai penggantinya apabila beliau mengundur diri. Siasatan oleh polis kemudian mendapati dakwaan itu tidak berasas.

Sementara itu, pada perhimpunan Pemuda dan Wanita, suasana para perwakilan kurang bermaya jika dibandingkan tahun-tahun sebelumnya ketika mereka membahaskan isu-isu tradisional seperti ucapan dasar ketua Pemuda dan Wanita, ekonomi, agama, pendidikan dan sosial.

Datuk Seri Anwar yang juga Timbalan Presiden UMNO merasmikan serentak Perhimpunan Pemuda dan Wanita dengan ucapan dalam nada yang tegas tanpa berseloroh.

Dalam ucapannya yang jelas merujuk kepada dakwaan skandal seks itu, Anwar memetik beberapa ayat Al-Quram dan insiden dalam sejarah Islam bagi menunjukkan betapa fitnah dan tuduhan palsu membawa keburukan.

"Anwar tidak ada "mood" untuk berjenaka. Perdebatan yang menyusul juga nampaknya kurang bersemangat," kata seorang anggota perwakilan.

Sebagai mengambil kira nasihat Dr Mahathir semasa taklimat semalam, para perwakilan mengelak daripada membincangkan surat layang selepas polis selesai menjalankan siasatan dengan penangkapan tiga orang.

Mungkin, apabila Dr Mahathir merasmikan Perhimpunan Agung parti esok, keadaan akan lebih ceria, kata seorang pemerhati. -- BERNAMA

AU FAZ